



NEELSEN

YEAP peluang keemasan bina kerjaya

PROGRAM Perintis Jurutera Muda (YEAP) yang ditawarkan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Gelang Patah, Johor dilihat sebagai peluang keemasan bina kerjaya buat graduan universiti selepas tamat pengajian.

Ketua Pegawai Eksekutif PTP, Marco Neelsen berkata, program YEAP dikhurasukan kepada graduan tempatan yang baru tamat pengajian di universiti awam, swasta mahupun universiti luar negara.

Jelasnya, syarat utama adalah mereka (pelatih) perlu memiliki ijazah dari mana-mana universiti dalam bidang kejuruteraan dan mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.0 ke atas.

"Program YEAP mula diperkenalkan pada tahun 2019. Sehingga kini, kami telah melatih 24 graduan kejuruteraan dalam pelbagai kepakaran. Program ini mengambil masa selama setahun," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Neelsen berkata, pelatih perlu menjalani latihan teori yang memfokuskan subjek teknikal jentera pelabuhan, selain diberi pendedahan mengenai PTP, latihan kemahiran insaniah serta kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Seterusnya, pelatih harus jalani kerja dalam latihan (*on job training*), di mana mereka ditempatkan ke Divisyen Kejuruteraan mengikut kelulusan bidang pengajian.

"Mereka berpeluang mengikuti pembelajaran secara langsung bersama-sama pekerja PTP di bawah pemerhatian tenaga pengajar terlatih selama enam bulan serta dibayar elau latihan agak lumayan," katanya.

Ujar Neelsen, pihaknya menguar-uarkan program YEAP melalui laman sosial rasmi PTP selain mengadakan kerjasama dengan universiti awam berlatar belakang kejuruteraan. Antara universiti yang pernah terlibat termasuklah Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

"Graduan yang menunjukkan prestasi paling baik akan diserap masuk bekerja bersama PTP mengikut bidang masing-masing, bergantung keperluan kepakaran divisyen semasa," ujarnya.